

# MPP UMS sertai persidangan belia

UM 4.2.2015 26

**KOTA KINABALU 3 Feb.** - Bertempat di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) tidak ketinggalan untuk menyertai Persidangan Belia-Belia Universiti ASEAN bersempena pemilihan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN.

Delegasi MPP yang diketuai Presidennya, Mohd. Al-Farid Abraham berkata, program tersebut memfokuskan perbincangan tentang usaha negara ASEAN untuk menerajui mobiliti pelajar dalam aspek kesukarelawan.

"Pengalaman menyertai program berbentuk forum ini amat bermanfaat apa lagi kami dapat bertukar pendapat berhubung isu dan cadangan ke arah penambahbaikan dalam aktiviti yang melibatkan kesukarelawan.

"Kita juga berbangga kerana UMS terpilih untuk mewakili institusi pengajian tinggi awam (IPTA) selain Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Yayasan Sukarelawan Siswa Malaysia dalam program yang mendapat penyertaan 50 buah universiti dari negara-negara ASEAN itu," katanya.

Beliau memberitahu, program berkenaan turut dihadiri wakil dari Korea Selatan sebagai negara jempunan.



**Pengalaman menyertai program berbentuk forum ini amat bermanfaat apa lagi kami dapat bertukar pendapat berhubung isu dan cadangan ke arah penambahbaikan dalam aktiviti yang melibatkan kesukarelawan**

**MOHD. AL-FARID ABRAHAM**  
**Presiden MPP UMS**

Jelasnya, segala input yang diperolehi mampu memberi impak kepada pembangunan dalam aspek kesukarelawan khususnya dalam kalangan pelajar UMS dan mahasiswa Malaysia.

Turut mewakili UMS ialah Asmah Kadir dan Monisa Amri yang merupakan Exco Kebajikan dan Khidmat Mahasiswa MPP UMS.

Majlis perasmiannya disempurnakan oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.